


Jasa Tun Ghafar dikenang

RH - 05/11/06

PM kemuka usul tergepar rakam dukacita, takziah kepada keluarga bekas T P M



Laporan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Pemergian ke rahmatullah Tun Ghafar Baba kelmarin menyebabkan negara kehilangan seorang negarawan dan pejuang yang terlalu banyak berjasa serta sukar dicari ganti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang mengemu-

kakan usul tergepar bagi merakamkan perasaan dukacita dan ucapan takziah kepada keluarga bekas Timbalan Perdana Menteri itu, berkata Allahyarham memperlihatkan kematangan dan sentiasa menyampaikan suara keseimbangan, terutama dalam isu sensitif yang menyentuh agama, budaya atau bangsa.

"Negara kehilangan seorang negarawan dan pejuang yang tidak dapat dihitungkan jasanya kepada masyarakat dan tokoh seperti Allahyarham sukar dicari ganti," katanya yang mewakili Kerajaan Malaysia mengemukakan usul itu selepas sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, sebahagian besar hayat Ghafar dihabiskan dengan ber-

khidmat kepada bangsa dan negara.

"Allahyarham juga sentiasa sanggup berkhidmat kepada rakyat dan negara tanpa mengira penat lelah demi kemajuan agama, bangsa dan status sosial," katanya.

Abdullah berkata, kesetiaan Allahyarham adalah kepada perjuangan dan memberikan khidmat konsisten sama ada ketika memegang jawatan dalam kerajaan dan parti, atau menjadi anggota biasa serta tidak memegang sebarang jawatan.

"Dalam menghulurkan khidmat, Allahyarham sentiasa berpegang kepada falsafah orang Semenda 'dijemput...datang, disuruh...pergi'. Ketika tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan, Allahyarham terus menyoy-

kong dan taat kepada parti dan kerajaan serta bersedia memberi pandangan apabila diperlukan.

"Itulah sifat negarawan dibuktikan Allahyarham yang wajar dijadikan contoh ikutan. Negara dan bangsa kehilangan negarawan bernama Abdul Ghafar bin Baba, yang pernah menjadi anggota dewan Selama 35 tahun.

"Jasa dan khidmat baktinya akan terpahat dalam sejarah negara. Dewan ini merakamkan penghargaan setinggi-tingginya atas jasa, khidmat dan bakti Allahyarham kepada negara dan bangsa," katanya.

Abdullah berkata, negara dan rakyat berterima kasih kepada anggota keluarga Ghafar kerana pengorbanan mereka merelakan Allahyarham

memperuntukkan sebahagian besar daripada usia dan kehidupan berkhidmat kepada negara dan bangsa.

"Bagi pihak kerajaan dari rakyat Malaysia, dengan rasa penuh hiba, saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Kita sama-sama berduka cita dan simpati atas kesedihan yang dirasakan anggota keluarga Allahyarham," katanya.

Perdana Menteri berkata, Allahyarham adalah antara pemimpin yang menerima realiti komposisi warga di negara ini yang pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa serta menjadi penstabil termasuk dalam menangani isu sensitif membatikan kaum lain.